

Segelintir korporat Melayu sahut cabaran global

Ada penyelidik berpendapat masalah orang Melayu ialah kita tidak berasa terancam. *Survival instinct* kita tidak menyerlah. Kita terlalu selesa manakala budaya perniagaan kita juga kurang baik sedangkan pesaing kita pula memiliki *under siege syndrome* yang menyebabkan mereka produktif

Oleh Datuk Abdul Rahim Bakri

KITA perlu akui bahawa kedudukan masyarakat Bumiputera, khususnya orang Melayu telah mencatat sedikit sebanyak kejayaan, terutama dalam perolehan kekayaan ekonomi negara.

Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan pemilikan orang Melayu iaitu daripada dua peratus pada zaman awal kemerdekaan kepada 18.7 peratus pada 2002.

Namun, apa yang membimbangkan kita ialah pemilikan ini mengalami penurunan secara berperingkat dan konsisten sejak 1997, iaitu daripada 20.6 peratus kepada 18.9 peratus pada 2002 – penurunan yang perlu diberi perhatian serius dan tidak menggambarkan kekayaan masyarakat Bumiputera yang mewakili lebih 60 peratus penduduk negara ini.

Jika dibanding dengan masyarakat bukan Bumiputera, khususnya kaum Cina, pemilikan kekayaan mereka meningkat secara progresif daripada 38.9 peratus pada 2000 kepada 40.9 peratus pada 2002, walaupun jumlah penduduk mereka semakin mengecil, iaitu kepada kira-kira 28 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Mengapa perkara ini boleh terjadi? Memang tidak dinafikan krisis ekonomi dan kewangan 1997 menjadi punca penurunan ini. Tetapi jika ini menjadi alasan, mengapa pemilikan kejayaan masyarakat bukan Bumiputera tidak terjejas teruk, malah semakin meningkat? persoalan ini perlu dijawab dengan ikhlas dan jujur oleh kita.

Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang bertanggungjawab mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970 menyimpan niat suci dan murni untuk melihat orang Melayu tidak terpinggir di negara sendiri.



Allahyarham Tun Abdul Razak

PLUANG secukupnya diberikan kepada orang Melayu untuk membabitkan diri dalam bidang perdagangan dan industri supaya mereka setanding dengan kaum lain.

Untuk merealisasikan cita-cita ini, kerajaan memberikan pelbagai jenis bantuan dan peluang berbentuk permit, lesen, kontrak kerajaan, rumah kedai, konsesi hutan balak, konsesi perlombongan, kawasan tanah komersial, modal pinjaman, pelaburan saham dan pelbagai peluang yang dikhususkan untuk menjayakan ekonomi Bumiputera.

Malah, hinggak untuk memperbanyakkan pengusaha Bumiputera pun kita membenarkan kakitangan kerajaan bersara awal dan dilengkapi latihan bagi menyertai dunia perniagaan.


Konvensyen Ekonomi Bumiputera pula telah diadakan bersiri-siri, dewan perniagaan dan persatuan usahawan ditubuhkan, manakala misi pelaburan luar negara juga tidak pernah membelakangkan pengusaha dan perniagaan Bumiputera.

Tetapi dengan usaha sebegini banyak pun kita masih tidak mampu memberikan cabaran yang *credible* kepada pengusaha bangsa lain, apatah lagi memberikan saingan di peringkat global.

Jelas, masalah kita ialah 'perisian' dan ada juga sesetengah penyelidik berpendapat bahawa masalah kita ialah kerana kita tidak berasa terancam. *Survival instinct* kita tidak menyerlah.

Kita terlalu selesa manakala budaya perniagaan kita juga kurang baik sedangkan pesaing kita pula memiliki *under siege syndrome* yang menyebabkan mereka lebih kreatif dan produktif.

Misalnya, ada di kalangan orang Melayu yang berjaya meneroka perniagaan di luar negara seperti laporan mengenai seorang ahli korporat Malaysia yang juga bekas Menteri



Tun Dr Mahathir

Kewangan telah meneroka sektor perbankan global iaitu The International Commercial Banking Group yang beroperasi di lapan negara Eropah Timur, di benua Afrika seperti di Conakry, Guinea dan Ghana dan yang terkini, menjalinkan perkongsian dengan Temasek Holdings untuk menguasai PT Bank Bumiputera Indonesia dengan penguasaan ekuiti 57.9 peratus.

Tetapi jelas ini hanya segelintir daripada korporat Melayu yang telah menyahut cabaran global selain Petronas dan Telekom Malaysia – syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang ternyata berani meneroka pelaburan di luar negara.

Selbihnya, segala bantuan dan peluang emas yang telah diberi kepada kita, kita bazirkan atau kita tidak mampu mengekalkan, apa lagi memperbesar peluang perniagaan yang diberi kepada kita.

Sebelum 1997, ada juga peniaga Melayu yang memiliki hartanah dan perniagaan di kawasan segi tiga emas di Kuala Lumpur seperti Lot 10, tetapi hari ini pegangan itu sudah lupus dan dilupakan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pernah menyatakan bahawa kelemahan orang Melayu ialah kerana kita terlalu tidak sabar untuk menjadi kaya sehingga kebanyakan peluang yang diperuntukkan dijual tanpa rasa bersalah, iaitu daripada sebesar-besarnya saham korporat hingga sekecil-kecil permit teksi. Malah, lesen gerai pun banyak yang dipercayai telah dijual kepada pendatang asing untuk maksud mendapatkan keuntungan segera tanpa bersusah payah.

Selagi sikap ini berterusan, maka selagi itulah Bumiputera khususnya orang Melayu tidak akan menguasai pemilikan hasil kekayaan negara yang signifikan.

Jika tidak kerana adanya agensi amanah

milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang ditubuhkan bagi membolehkan kita memiliki saham syarikat gergasi yang pada ketika ini dikuasai oleh tujuh juta pemilik saham Bumiputera dengan jumlah aset melebihi RM6 bilion dan institusi mewakili Bumiputera yang menguasai RM11.6 bilion, maka pencapaian kita sudah tentu jauh lebih rendah.

Pelaburan Bumiputera melalui agensi amanah dan institusi Bumiputera ini sudah tentu tidak akan menjadikan orang Melayu terbabit secara langsung dengan perniagaan dan hanya menjadikan kita *sleeping partners* yang naif dalam pengurusan sebenar sesuatu perusahaan.

Oleh sebab itu, dasar menyokong kewujudan pemimpin korporat Bumiputera harus diteruskan dan kita tidak perlu takut atas tuduhan kronisme dan nepotisme kerana jika kita takut, kita bimbang Bumiputera akan terus tertinggal dalam dunia perniagaan dan percambahan bakat orang Melayu dalam perniagaan tidak akan dapat disuburkan.

Kita tidak harus berpuas hati dengan kedudukan orang Melayu sekadar menjadi peniaga di gerai tepi jalan dan bersifat kecil-kecilan di arked sempit walaupun mereka perlu terus diberi sokongan serta diperkasakan.

Penyertaan Bumiputera dalam bidang yang lebih rumit dan berasaskan kemahiran korporat sewajarnya diperhebatkan. Jika tidak, jurang pemilikan dan penyertaan Melayu dalam pengurusan perniagaan akan menjunam, manakala kedudukan orang Melayu akan terjejas.

Anak muda Melayu yang mendapat pengalaman bersama GLC dan mempunyai cukup keyakinan untuk meneroka perniagaan perlu diberi peluang untuk beraksi menyertai dunia korporat.

Calon pilihan ini tidak kira sama ada dari Semenanjung atau Sabah dan Sarawak, mesti di kalangan mereka yang benar-benar mempunyai merit mencukupi – *the genius among the Malays*.

Kita tidak mahu mereka seperti si Tanggung yang lupa akan asal usulnya, seperti tikus yang lemas di tong beras dan seperti kera mendapat bunga yang tidak tahu menghargai pemberian serta lupa untuk membantu peniaga Bumiputera yang baru dan hanya mementingkan diri sendiri.

Jika ada anak Melayu bertuah dan beruntung yang bersikap begini, membelakangkan bangsa, agama dan negara serta tidak kasihan kepada orang Melayu yang miskin dan terpinggir, bermewah-mewah membeli jet tetapi tidak mahu menyumbang sedikit pun daripada keuntungan berjuta-juta mereka untuk membina rumah orang daif dan orang miskin, tidak membiayai pelajar miskin, tidak membayar zakat atau tidak membantu orang kurang upaya dan yang ditimpa bencana, maka mereka ini tidak harus diberi peluang selanjutnya!

● Penulis adalah Ahli Parlimen Kudat, Sabah.